

# SARA dan STR bantu perbelanjaan keluarga

Peningkatan SARA kepada RM200 sebulan ditunggu 5.4 juta penerima terutama golongan berkeluarga

**KUALA LUMPUR:** Peningkatan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kepada RM200 sebulan yang bermula bulan ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh 5.4 juta penerimanya, apatah lagi bagi mereka yang berkeluarga.

Bagi seorang suri rumah yang menetap di Ulu Tiram, Johor, Rozanawati Mat Salleh, 38, peningkatan kadar bantuan itu membantu meringankan beban kewangan keluarga yang mempunyai empat anak dengan dua daripadanya masih bersekolah.

“Dengan peningkatan bantuan kepada RM200 sebulan, kami dapat membeli lebih banyak barang keperluan dapur, walaupun mungkin hanya untuk dua minggu.

“Jadi, gaji suami yang bekerja sebagai pemandu lori boleh digunakan untuk belanja sekolah anak-anak,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Kerajaan MADANI turut meningkatkan jumlah bantuan SARA sehingga RM2,100 tahun ini bagi isi rumah miskin dan miskin tegar di dalam rekod eKasih, berbanding RM1,200 tahun lepas.

**“Dengan peningkatan bantuan kepada RM200 sebulan, kami dapat membeli lebih banyak barang keperluan dapur, walaupun mungkin hanya untuk dua minggu.”**

Rozanawati Mat Salleh  
Suri rumah

Bantuan SARA sebanyak RM100 sebulan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bagi Januari hingga Mac tahun ini dan kadar bantuan berkenaan ditingkatkan kepada RM200 sebulan bermula 1 April lepas, membabitkan 5.4 juta penerima, peningkatan hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 penerima sedia ada.

Selain SARA, pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah

(STR) Fasa Dua turut dilaksanakan mulai 24 Mac lalu, melibatkan 8.5 juta penerima, yang terdiri daripada 60 peratus rakyat dewasa Malaysia, dengan bantuan sehingga RM650.

Seorang ibu tunggal, Nurul Adila Izhar, 31, dari Jelutong, Pulau Pinang, yang bekerja di sektor swasta, berkata STR memberi kesan besar dalam cara beliau menguruskan perbelanjaan harian keluarganya.

“Saya menggunakan bantuan ini untuk tiga perkara utama yang banyak membantu menampung keperluan asas keluarga: membeli

barang dapur, perbelanjaan anak untuk pendidikan, serta makanan berkualiti dan perbelanjaan harian seperti pengangkutan dan bil utiliti,” katanya yang membesar kan seorang anak selepas kematiannya suaminya.

Seorang lagi penerima STR Syamim Mansor, 29, yang berasal dari Shah Alam, Selangor berkata bantuan itu meringankan beban perbelanjaan anaknya yang masih kecil.

“Bantuan ini dapat saya gunakan untuk membeli lampin dan susu formula anak kecil saya,” kata pekerja swasta itu. — Bernama